# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## JUMAAT 19 OGOS 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | PENGANJURAN TERBAIK MAHA 2022 CATAT REKOD LUAR BIASA, MINDA PEMBACA, BH -13 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2.<br>3.<br>4. | AGROBANK SASAR SALUR SEMUA PERUNTUKAN RM800 JUTA, BISNES, BH -27<br>AGROBANK AGIH RM800j DANA DPAKM, EKONOMI, UM -35<br>SALUR DANA RM800j, BISNES, HM -35 | AGROBANK |
| 5.<br><br>6.<br>7. | KEPUPUSAN PENYU BELIMBING PUNCA LEDAKAN UBUR-UBUR BERACUN, DALAM NEGERI, UM -29<br>PENTERNAK CILIK RAIH RM10,000 JUAL ANAK AYAM, NASIONAL, BH -19<br>BUDAK 8 TAHUN JADI TAUKE AYAM, LOKAL, HM -26 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/8/2022 | BERITA HARIAN | MINDA PEMBACA | 13 |

# Penganjuran terbaik MAHA 2022 catat rekod luar biasa

Osri Abu Mahsin,
Putrajaya

**Selepas** empat tahun tidak diadakan, penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 mencatat rekod luar biasa.

Sehingga 14 Ogos seramai 1.4 juta pengunjung direkodkan termasuk mereka yang mengunjungi MAHA secara virtual sebanyak 266,321.

MAHA yang diadakan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang itu mencatat rekod jualan sebanyak RM260 juta termasuk RM25,270,436.35 secara dalam talian. Sebanyak 33 perjanjian persefahaman (MoU) turut ditandatangani dengan nilai kewangan mencecah RM5.64 bilion.

Dari segi pembiayaan pula sebanyak RM460.8 juta dengan 2,947 permohonan direkodkan. Kesemua angka ini mengatasi rekod empat tahun sebelum ini.

Penganjuran MAHA kali ini juga berbeza, tetapi diurus dengan teliti walaupun diadakan di luar musim cuti sekolah, malah bukan juga waktu gaji. Namun, kemeriahannya tidak berkurang kerana jenama MAHA sudah dikenali umum sejak 1975 lagi.

Dalam hal ini, Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sudah menggerakkan promosi dan publisiti MAHA 2022 ini sejak Mei 2022 di semua saluran yang ada.

Ini termasuk menubuhkan sudut MAHA 2022 di aras lobi Wisma Tani. Ia bertindak sebagai penyelaras pelbagai aktiviti dengan penyertaan semua jabatan dan agensi yang mengambil bahagian di Ekspo berkenaan.

Selain itu, promosi turut digerakkan dengan poster berkaitan MAHA dalam koc MRT laluan Kuala Lumpur - Sungai Buluh, selain dalam bas Rapid Lembah Klang, juga di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Kempen promosi ini juga digerakkan dengan papan iklan gergasi di Bangunan Ibu Pejabat Lembaga Pertubuhan Peladang serta di Kompleks Lembaga Perindustrian Nanas Negara di Johor Bharu.

## Naratif turun harga makanan agro

Itu tidak termasuk kerjasama strategik dengan Lembaga Lebuh Raya Malaysia serta kerjasama strategik dengan Perbadanan Putrajaya membuat hebahan melalui laman sesawang kementerian serta agensi di bawah MAFI.

Pusat media juga ditubuhkan pada 1 hingga 14 Ogos 2022 bagi memberi kemudahan wartawan membuat liputan, selain visual dan video disediakan untuk tujuan pelaporan, juga dokumentasi.

Penganjuran MAHA kali ini adalah terbaik dengan naratif menurunkan harga makanan agro dan memastikan sekuriti makanan selaras temanya 'Sekuriti makanan untuk masa depan'. Mesej MAFI adalah menyeru dan mengajak Keluarga Malaysia melakukan jihad inflasi melalui kegiatan bertani di rumah.

MAHA 2022 ditutup pada 14 Ogos 2022 Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee. Penganjuran kali ini membawa pelbagai kenangan kepada peniaga, penggiat industri, pengunjung dan penganjur.




*Orang ramai melihat melihat hasil pertanian Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) di Pavilion Perak pada MAHA 2022 di Serdang.*
(Foto Fathil Asri/BH)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/8/2022 | BERITA HARIAN | BISNES | 27 |

Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia

# Agrobank sasar salur semua peruntukan RM800 juta

**Agrobank** menyasarkan untuk menyalurkan semua Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM) berjumlah RM800 juta menjelang akhir tahun ini, meskipun baru diumumkan kerajaan pada Jun lalu.

Ketua Pegawai Pembangunan Agrobank, Aminuddin Amenon, berkata daripada jumlah diperuntukkan, dana pembiayaan RM200 juta merangkumi RM100 juta bagi usahawan mikro, RM50 juta bagi usahawan mikro baharu dan RM50 juta bagi usahawan muda sudah lebih separuh disalurkan.

"Dana selebihnya membabitkan RM300 juta bagi pembiayaan ternakan ayam, RM200 juta bagi ternakan ruminan (lembu dan kambing) dan RM100 juta bagi tanaman sayur-sayuran.

"Walaupun dana ini masih banyak, kami yakin mampu menghabiskan semuanya menjelang akhir tahun ini dibantu dengan promosi yang giat dilaksanakan.

"Malah, penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) selama 11 hari berakhir 14 Ogos lalu turut membantu dari segi hebahan dana ini kepada pemohon berpotensi," katanya.

## Beri pendedahan

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melancarkan Program Inkubator Keusahawan Akuakultur, yang dianjurkan dengan kerjasama bersama Universiti Putra Malaysia (UPM), di Serdang, semalam.

Mengenai program inkubator itu, Aminuddin berkata, ia adalah sebuah program berstruktur yang dirangka khas oleh Agrobank Centre of Excellence (ACE) dengan kerjasama Jabatan Akuakultur Fakulti Pertanian UPM bertujuan memberi pendedahan secara praktikal kepada siswazah berkenaan ilmu keusahawanan dalam bidang akuakultur.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/8/2022 | UTUSAN MALAYSIA | EKONOMI | 35 |

# Agrobank agih RM800j dana DPAKM

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**
ekonomiutusan@mediamulia.com.my

**SERDANG:** Agrobank optimis dapat menghabiskan agihan Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM) sebanyak RM800 juta menjelang akhir tahun ini, bagi menjamin kesinambungan aktiviti pengeluaran makanan negara.

Ketua Pegawai Pembangunan Agrobank, Aminuddin Amenon berkata, sebanyak RM300 juta diperuntukan bagi pembiayaan ternakan ayam; RM200 juta bagi ternakan ruminan (lembu dan kambing) dan RM100 juta lagi bagi tanaman sayur-sayuran.

Katanya, RM200 juta lagi diperuntukkan untuk pembangunan usaha usahawan mikro, usahawan mikro baharu dan usahawan muda.

"Bagi pembangunan usahawan, sebanyak RM100 juta dana telah diluluskan sehingga Julai. Pembiayaan ini melibatkan kadar keuntungan yang rendah iaitu tiga peratus dan terdapat morotorium selama enam bulan.



**AMINUDDIN AMENON (tiga, kiri) menyampaikan replika cek kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof. Dr. Nazamid Saari di Serdang, semalam. - UTUSAN MALAYSIA/NUR NAZLINA NADZARI**

"Sementara itu, dana ternakan ayam, ruminan dan tanam sayur-sayuran juga mendapat sambutan yang baik terutamanya semasa Pameran Pertanian Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis pelancaran Program Inkubator Keusahawanan Akuakultur yang melibatkan kerjasama antara di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Agrobank di Ladang 15, Fakulti Pertanian, UPM di sini, semalam.

Sementara itu, Aminuddin berkata, sebanyak RM82,000 diperuntukkan dalam program kerjasama dengan UPM tersebut yang melibatkan 10 peserta untuk tempoh enam bulan dalam usaha melahirkan usahawan akuakultur.

"Dana program ini adalah daripada Tabung Pembiayaan Social Islamik. Keuntungan daripada program tersebut dibahagi dua antara tabung tersebut dan UPM serta peserta.

"Hasil daripada keuntungan akan masuk semula ke dalam tabung bagi membolehkan lebih banyak program seperti ini dilaksanakan. Program seterusnya dijangka dilaksanakan pada Oktober atau November ini," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/8/2022 | HARIAN METRO | BISNES | 35 |




DR Nazamid (tiga dari kanan) bersama Aminuddin (dua dari kiri) pada Program Inkubator Keusahawanan Akuakultur di Serdang, semalam. - Gambar NSTP/HAZREEN MOHAMAD

# Salur dana RM800j

## Agrobank sasar menyalurkan DPAKM menjelang akhir tahun ini

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@mediaprima.com.my

**Kuala Lumpur**

Agrobank menyasarkan untuk menyalurkan semua Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM) berjumlah RM800 juta menjelang akhir tahun ini meskipun ia baru diumumkan oleh kerajaan pada Jun lalu.

Ketua Pegawai Pembangunan Agrobank, Aminuddin Amenon, berkata daripada jumlah yang diperuntukkan, dana pembiayaan RM200 juta merangkumi RM100 juta bagi usahawan mikro, RM50 juta bagi usahawan mikro baharu dan RM50 juta bagi usahawan muda telah lebih separuh disalurkan.

"Dana yang selebihnya membabitkan RM300 juta bagi pembiayaan ternakan ayam; RM200 juta bagi ternakan ruminan (lembu dan kambing) dan RM100 juta bagi tanaman sayur-sayuran.

"Walaupun dana ini masih banyak, kami yakin mampu menghabiskan semuanya menjelang akhir tahun ini dibantu dengan promosi yang sedang giat kita laksanakan.

> "Walaupun dana masih banyak, kami yakin mampu habiskan akhir tahun ini
> Aminuddin Amenon

"Malah, penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) selama 11 hari berakhir 14 Ogos lalu turut membantu dari segi hebahan dana ini kepada pemohon berpotensi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melancarkan Program Inkubator Keusahawanan Akuakultur, yang dianjurkan dengan kerjasama bersama Universiti Putra Malaysia (UPM) di Serdang, semalam.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof Dr Nazamid Saari.

Mengenai program inkubator itu, Aminuddin berkata, ia adalah sebuah program berstruktur yang dirangka khas oleh Agrobank Centre of Excellence (ACE) dengan kerjasama Jabatan Akuakultur Fakulti Pertanian UPM bertujuan memberi pendedahan secara praktikal kepada para siswazah berkenaan ilmu keusahawanan dalam bidang akuakultur.

Katanya, selain ilmu teknikal yang diajar oleh pihak UPM, peserta program turut didedahkan dengan ilmu perniagaan, pengurusan kewangan dan ilmu pemasaran sepanjang program ini berlangsung.

"Peserta juga akan dipantau dan dibimbing selama enam bulan oleh Jurulatih Perniagaan yang bertauliah dari ACE bagi memastikan mereka mampu menguruskan perniagaan dan bersaing di pasaran sebenar.

"Mereka turut didedahkan dengan pengetahuan pengurusan risiko dan kaedah menanganinya beserta mendapat bimbingan secara terus menerusi perkongsian pengalaman dari usahawan yang telah berjaya," kata Aminuddin.

Beliau menambah, keunikan program itu bukan sekadar terletak pada struktur dan pengisiannya, malah ia juga sedikit berbeza dari program inkubator keusahawanan yang lain.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/8/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 29 |

# Kepupusan penyu belimbing punca ledakan ubur-ubur beracun

Oleh **KAMALIZA KAMARUDDIN**
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA TERENGGANU:** Kepupusan penyu belimbing dan perubahan iklim dunia yang semakin panas menyebabkan berlakunya ledakan ubur-ubur beracun di perairan Malaysia yang membahayakan manusia.

Pensyarah Fakulti Perikanan dan Sains Makanan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Mohd. Fazrul Hisam Abd. Aziz berkata, populasi ubur-ubur di perairan negara dikatakan lebih tinggi dalam bulan Julai, Oktober, November dan Disember.

Menurut beliau, peningkatan dan kehadiran ubur-ubur boleh dikaitkan dengan tiadanya lagi pemangsa seperti penyu belimbing yang mengawal letusan populasi ini.

Katanya, ubur-ubur juga terkesan dengan perubahan iklim dunia yang boleh mempengaruhi taburan serta pergerakannya.



DR. MOHD. FAZRUL HISAM

"Hanya dua spesies ubur-ubur yang sering dikesan di perairan negara iaitu Chiropsoides Buitendijki dan Morbakka, namun ia tidak begitu berbahaya hingga menyebabkan maut kepada manusia.

> **"Sengatan ubur-ubur boleh menyebabkan kegagalan jantung untuk berfungsi, pening, muntah, tekanan darah naik secara mendadak dan masalah gatal-gatal kulit di tubuh mangsa."**

"Sengatan ubur-ubur boleh menyebabkan kegagalan jantung untuk berfungsi, pening, muntah, tekanan darah naik secara mendadak dan masalah gatal-gatal kulit di tubuh mangsa.

"Rawatan awal boleh menyelamatkan mangsa dan paling penting bawa sekali sampel ubur-ubur itu untuk rujukan pegawai perubatan bagi memudahkannya memberi rawatan yang sesuai," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Mengulas lanjut, katanya, spesies ubur-ubur paling berbahaya ialah Irukandji kerana ia mampu membunuh manusia hanya dalam tempoh tiga minit namun ia tidak pernah dilaporkan berada di Malaysia.

"Bagaimanapun, tidak mustahil spesies ini berada di perairan negara kerana laluan kapal yang sibuk serta dipengaruhi oleh pelbagai faktor contohnya nutrien, suhu dan arus air kerana untuk kelangsungan hidup, setiap spesies marin bergerak di habitat yang sesuai.

"Seperti spesies lain, ubur-ubur juga mencari habitat yang sesuai untuk dihuni. Ini termasuk sumber makanan yang mencukupi serta faktor abiotik dan biotik yang sesuai," katanya.

Semalam, seorang kanak-kanak lelaki warga Perancis dilaporkan mati akibat terkena sengatan ubur-ubur ketika mandi di Pantai Teluk Nipah, Pulau Pangkor, pada Selasa.

Hasil bedah siasat mendapati punca kematian kanak-kanak itu adalah 'jellyfish envenomation' atau sengatan ubur-ubur.

Sementara itu, Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Terengganu, Leftenan Kolonel (PA) Mohd. Rosman Abdullah berkata, sebanyak 10 kes serangan ubur-ubur dilaporkan di perairan negera ini dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Jelasnya, daripada jumlah itu, sembilan kes dilaporkan berlaku di Pantai Bukit Keluang, Besut dan satu lagi kes di Pantai Kampung Mangkuk, Setiu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/8/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 19 |

# Penternak cilik raih RM10,000 jual anak ayam

## Budak 8 tahun promosi dalam Facebook, pernah cecah jualan 3,200 ekor sehari

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
bhnews@bh.com.my



*Ahmad Faiq dari Kampung Lak Lok Dalam, Besut menunjukkan anak ayam kampung putih yang diternak.*
(Foto Ahmad Rabiul Zulkifli/BH)

**Besut:** Biarpun baru berusia lapan tahun, siapa sangka, Ahmad Faiq Adrian Mohamad Firdaus, mampu meraih hasil sehingga RM10,000 sebulan daripada jualan anak ayam kampung putih (*Hyline White*).

Ahmad Faiq berkata, dia bermula dengan menternak ayam sebagai hobi sebelum mengambil inisiatif menjual anak ayam melalui Facebook dan tidak menjangka mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

"Saya mendapat dorongan dan bimbingan daripada bapa, Mohamad Firdaus Ismail, 40, dan ibu, Normah Ahmad, 36.

"Bapa membeli anak ayam daripada pembekal iaitu bapa saudara, Mustapa Omar, secara pukal sebelum menjual melalui promosi media sosial.

"Paling tinggi saya pernah menjual anak ayam 3,200 sehari berharga RM10 untuk empat anak ayam.

"Rata-rata pelanggan membeli anak ayam dengan kuantiti banyak untuk diternak secara komersial dan sebahagiannya membeli untuk diternak di kawasan rumah.

"Istimewa anak ayam kampung putih dijual itu kerana ia cepat membesar dan boleh dijual," katanya dari Kampung Lak Lok Dalam, Besut.

### Beri dorongan

Sementara itu, Mohamad Firdaus berkata, dia memberi dorongan kepada anaknya itu kerana menyedari minat anaknya dalam bidang penternakan dan perniagaan.

"Sebelum ini, Ahmad Faiq gemar mengikuti bapa saudaranya menjual pelbagai jenis ayam di Pasar Tani dan Ekspo Pertanian," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/8/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 26 |

# Budak 8 tahun jadi tauke ayam

## *Pernah jual 3,200 anak ayam kampung dalam sehari*

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
am@hmetro.com.my

**Besut**

Siapa sangka walaupun baru berusia lapan tahun, Ahmad Faiq Adrian Mohamad Firdaus kini berstatus usahawan hasil jualan anak ayam kampung putih (*Hyline White*) yang dipeloporinya sejak setahun lalu.

Malah, dia turut meraih pendapatan bulanan lumayan melalui hasil jualan berkenaan.

"Saya juga pernah menjual 3,200 anak ayam kampung dalam tempoh sehari. Ia dijual pada harga RM10 untuk empat anak ayam," katanya yang berasal dari Kampung Lak Lok Dalam di sini.

Ketika ditemui, Ahmad Faiq Adrian berkata, dia bermula dengan menternak ayam sebagai hobi sebelum

> *Saya juga pernah menjual 3,200 anak ayam kampung dalam tempoh sehari. Ia dijual pada harga RM10 untuk empat anak ayam"*
>
> **Ahmad Faiq Adrian**

mengambil inisiatif menjualnya melalui Facebook (FB), malah tidak menjangka mendapat sambutan menggalakkan.

Katanya, usahanya itu turut didorong selain dibimbing bapa, Mohamad Firdaus Ismail, 40, dan ibu, Normah Ahmad, 36.

"Bapa membeli anak ayam daripada pembekal iaitu bapa saudara, Mustapa Omar secara pukal sebelum saya menjualnya melalui promosi di FB.

"Sebahagian pelanggan membeli anak ayam dalam kuantiti besar untuk diternak secara komersial selain ada juga yang menternak di kawasan rumah.

"Istimewanya, anak ayam kampung putih ini cepat membesar dan boleh dijual," katanya.

Sementara itu, Mohamad Firdaus berkata, dia memberi dorongan kerana anaknya meminati bidang penternakan dan perniagaan.

"Sebelum ini, Ahmad Faiq Adrian gemar mengikuti bapa saudaranya menjual pelbagai jenis ayam di pasar tani dan ekspo pertanian.

"Saya dan isteri sepakat mengeluarkan modal untuk membeli anak ayam sebelum Ahmad Faiq Adrian menjualnya," katanya.

Menurutnya, dia tidak menyangka jualan itu mendapat sambutan menggalakkan, malah akan terus menyokong perniagaan anaknya itu.




AHMAD Faiq Adrian dari Kampung Lak Lok Dalam, Besut menunjukkan anak ayam kampung putih (*Hyline White*) yang dijualnya. - Gambar NSTP/AHMAD RABIUL ZULKIFLI